

# Inflasi:

R.H. 14 MAR 1992

## Kikis

## sikap

## boros

Oleh Wan Hamidi Hamid

KUALA LUMPUR, Ahad — Usaha kerajaan mengawal inflasi tidak akan berjaya jika pengguna bersikap boros dan sanggup membeli barang tanpa mengira harga, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, amalan membeli lebih daripada kemampuan, termasuk melalui kredit mudah, memburukkan lagi perbuatan membeli secara boros.

"Jika pengguna berjiwat-cermat dan selalu sedar mengenai kesan membeli-belah tidak terkawal terhadap inflasi, kenaikan harga tidak akan berlaku.

"Sebaliknya, jika kerana mengejar barang tanpa menitikberatkan harga, inflasi berlaku. Tambahan pendapatan kerana kenaikan gaji atau keuntungan akan menjadi sia-sia kerana walaupun dengan duit yang lebih, tidak ada tambahan barangan atau khidmat akan diperolehi," katanya melancarkan Hari Pengguna Sedunia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, peningkatan pendapatan hanya bermakna jika ia dapat membeli lebih banyak barangan atau perkhidmatan serta meningkatkan simpanan atau pelaburan.

Sehubungan itu, beliau meminta persatuan pengguna membantu kerajaan menstabilkan harga, mencegah perbuatan menyorok barang perlu, mengatasi masalah barang tiruan serta penipuan timbang dan sukat.

"Melalui nasihat dan tunjuk ajar persatuan pengguna, orang ramai boleh memastikan baran-

gan atau perkhidmatan yang dijual kepada mereka mempunyai mutu sebagaimana yang dikehendaki," katanya.

Perdana Menteri berkata, persatuan pengguna boleh mendedahkan kecurian pembekal melalui media massa serta mendedak kerajaan supaya bertindak terhadap pembekal.

Menurutnya, cara itu akan memaksa pembekal menaikkan mutu barangan atau perkhidmatan mereka untuk membolehkan pengguna mendapat nilai sebenar bagi pembelian barangan atau perkhidmatan.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar, dalam ucapannya, berkata gerakan kepenggunaan di negara ini mula mencapai tahap lebih baik dan disegani.

Bagaimanapun, katanya, gerakan itu belum menyeluruh kerana bertumpu di beberapa tempat tertentu saja.

Beliau berharap persatuan pengguna menjadi badan perantara bagi menyelesaikan masalah ahli dan masyarakat dengan peniaga dan pengusaha.

Abu Hassan berkata, kementeriannya memilih 'Kesejahteraan Masyarakat Melalui Budaya Kepenggunaan Yang Berkualiti' sebagai tema sambutan Hari Pengguna di negara ini.

Menurutnya, tema itu dipilih kerana pembentukan dan pengalaman budaya kepenggunaan bermutu dianggap penting bagi menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara.